

Headline **1.6 juta penduduk Kelantan risiko HIV**  
Date **14 Dec 2009**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Negara**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **11**  
Article Size **109 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **503**  
PRValue **1,509**



# 1.6 juta penduduk Kelantan risiko HIV

**MACHANG** – Kira-kira 1.6 juta penduduk Kelantan yang mengesyaki diri berisiko tinggi dijangkiti virus HIV perlu menjalani saringan untuk mengesahkannya bagi mengurangkan jumlah penghidap yang tertinggi berbanding negeri lain.

Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan Kelantan, Dr. Abu Hassan As-haari berkata, ini disebabkan pihaknya mengesan jangkitan virus itu menyerang mangsa tanpa mengira umur walaupun warga emas 60 tahun ke atas.

“Mereka sama ada lelaki atau perempuan terutama yang kerap ber-

kahwin dan tidak menyedari pasangan masing-masing pembawa virus berkenaan,” dedahnya kepada pemberita selepas merasmikan Hari AIDS Sedunia 2009 peringkat negeri di sini semalam.

Beliau berkata, golongan berisiko itu boleh menjalani ujian HIV di pusat kesihatan atau hospital kerajaan secara percuma tanpa perlu mendedahkan identiti diri.

Katanya, sejak jangkitan HIV mula dilaporkan pada 1986, jumlah kes baru HIV tertinggi dilaporkan pada tahun 2005 ialah 1,239 orang atau 93.9 bagi setiap 100,000 penduduk di Kelantan.

“Bagi tempoh Januari hingga Oktober tahun ini, sejumlah 494 kes baru dilaporkan iaitu 30.2 bagi setiap 100,000 penduduk Kelantan,” katanya.

Dr. Abu Hassan berkata, jangkitan itu berpunca daripada penagih dadah yang bergilir-gilir menggunakan jarum suntikan dan mereka yang melanggani pelacur di pekan sempadan Malaysia-Thailand.

Bagaimanapun, katanya, Jabatan Kesihatan Negeri menyasarkan untuk menurunkan kes itu sebanyak 22 bagi setiap 100,000 penduduk menjelang tahun 2015. – Bernama